

# Sunway raih projek LRT3 RM2.18b

KUALA LUMPUR 5 Okt. – Sunway Construction Group Berhad telah dianugerahkan projek bernilai RM2.18 bilion daripada Prasarana Malaysia Berhad bagi pembinaan landasan Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) sekali gus meningkatkan buku tempahan syarikat berkenaan kepada RM6.5 bilion.



Pengarah Urusan Sunway Construction, Chung Soo Kiong berkata, projek pembinaan sejauh 37 kilometer bagi laluan LRT3 dari Bandar Utama ke Johan Setia di Klang itu dijangka mengambil masa 36 bulan.

Katanya,  
kontrak  
yang diraih  
tersebut  
adalah  
projek

Chung Soo Kiong  
keempat yang diberikan kepada Sunway  
Construction yang juga merupakan projek  
tunggal terbesar dalam tempoh 36 tahun.

Beliau berkata, jajaran kerja Sunway  
Construction bermula di Kawasan 17 dan  
berakhir di Taman Sri Andalas, Klang merangkumi kerja-kerja pembinaan jejambat  
sejauh 9.2 kilometer, pembinaan enam stesen dan mereka bentuk serta  
membangunkan sebuah jambatan kabel ikonik merentasi Sungai Klang.

"Kami juga akan mendirikan dua kawasan Park & Rides di Pasar Besar Klang dan Sri  
Andalas sekali gus mempamerkan keupayaan bersepada penuh kami dalam asas dan  
geoteknikal, infrastruktur awam, pembinaan bangunan dan mekanikal, elektrik dan  
kepakaran kerja memasang paip.

"Program transformasi infrastruktur negara ini bukan sahaja mampu menyediakan  
pengangkutan awam alternatif terbaik kepada orang awam, tetapi juga meningkatkan  
kesalinghubungan dan mengurangkan kesesakan lalu lintas," katanya dalam kenyataan  
di sini hari ini.

Soo Kiong berkata, penganugerahan projek tersebut meningkatkan buku tempahan  
keseluruhan syarikat kepada RM6.5 bilion iaitu tertinggi sejak Sunway Construction  
ditubuhkan.

"Projek yang diraih ini juga bermakna kami berjaya melepas sasaran buku tempahan  
pada RM2 bilion.

"Untuk tahun ini, buku tempahan kami berjaya mencapai RM3.75 bilion dan  
menjangkakan pendapatan masa hadapan yang positif," katanya.

**PRASARANA /**

06 Oktober 2017 3:00 AM